

# Ponggal

## SUATU PENGENALAN

Oleh UTHAYA SANKAR SB

**“M**

ASYARAKAT India sejak zaman-berzaman memang tidak ketandusan upacara dan perayaan – sama ada berciri ritual atau kebudayaan. *Ponggal* adalah salah satu daripada upacara sedemikian.

Secara tradisi, *Ponggal* dirayakan oleh penduduk (baca: petani) di Tamil Nadu dan Andhra Pradesh, India. Bagaimanapun, keadaannya agak berbeza kini kerana *Ponggal* disambut oleh hampir semua penduduk kaum India tanpa mengira keturunan dan batas geografi.

*Ponggal* diakui adalah “Pesta Menuai” dan disambut pada permulaan bulan *Thai* (Januari/Februari) mengikut kalendar Tamil. Malah, di Tamil Nadu, *Ponggal* adalah jauh lebih penting dan meriah berbanding *Diwali*.

Walaupun pada mulanya disambut dengan meriah oleh para petani, mengikut peredaran zaman, *Ponggal* mula diraikan oleh semua

lapisan masyarakat. Hal yang sama dapat diperhatikan di Malaysia. Keadaan ini tidak salah; apatah lagi dalam usaha membina Bangsa Malaysia yang saling memahami dan menghormati budaya dan kepercayaan setiap kaum dan keturunan.

*Ponggal* adalah perayaan pada awal bulan *Thai* mengikut kalendar Tamil. Akan tetapi, sebenarnya sambutan sudah bermula sehari lebih awal dengan sambutan *Boghi*.

Pada hari terakhir bulan *Margali*, unggun api dipasang di luar rumah.

Barangan lama yang sudah tidak diperlukan dibakar dalam unggun berkenaan.

(Akan tetapi, awas!

Jangan melakukan pembakaran terbuka sewenang-wenangnya.) Secara simbolik, *Boghi* menandakan usaha masyarakat untuk membuang apa-apa yang ‘lama’ dan ‘negatif’, lalu diganti dengan yang ‘baru’ dan



'positif'. Samalah seperti resolusi tahun baru yang biasa dilakukan oleh masyarakat dunia.

Maka, tidak hairanlah jika ramai masyarakat Tamil menganggap *Ponggal* dan bulan *Thai* sebagai sambutan Tahun Baru Tamil.

*Purana* tidak mempunyai apa-apa cerita mengenai asal usul *Ponggal*. Bagaimanapun, ada satu cerita yang menarik mengenai Dewa Indra iaitu dewa yang diraikan pada perayaan *Boghi*.

Mengikut cerita tradisi, Dewa Indra adalah dewa yang mengawal awan dan hujan. Jadi, Dewa Indra diraikan oleh petani kerana berterima kasih atas pemberian hujan bagi membolehkan penanaman padi.

Kononnya, Dewa Indra menjadi bongkak dan sombong. Lalu, Dewa Krishna mengarahkan petani dan penggembala lembu supaya memuja Gunung Govardhan pada perayaan *Boghi*. Tindakan ini menyebabkan Dewa Indra marah lalu cuba menghukum penduduk terbabit dengan membawa hujan lebat dan petir ke kampung berkenaan.

Dewa Krishna pula mengangkat Gunung Govardhan supaya para petani, penternak serta lembu mereka boleh berlindung di bawahnya. Mengikut cerita, akhirnya Dewa Indra bertaubat dan memohon maaf kepada Dewa Krishna. Dewa Indra kembali dipuja pada perayaan *Boghi*, iaitu sehari sebelum perayaan *Ponggal*.

Sambutan *Ponggal* pada hari pertama bulan *Thai* adalah khas bagi Dewa Suria yang diakui adalah sumber tenaga dan penyumbang utama bagi pertanian. Para petani yang baru selesai menuai hasil pertanian padi mempunyai alasan untuk berpesta. Pesta ini pula diadakan secara simbolik melalui perayaan *Surya Ponggal*.

Tapak yang dijadikan tempat perayaan dibersihkan. Lukisan *kolem* juga menjadi semacam kemestian. Biasanya, corak matahari dilukis sebagai tanda meraikan Dewa Suria. Sebuah periuk baru diletak di atas dapur yang ditempatkan di bahagian tengah lukisan *kolem* itu.

Daun mangga dan daun kelapa yang dianyam juga digantung di keliling tapak perayaan. Pokok tebu turut diikat. Ketul

kecil kunyit, halia dan daun mangga pula diikat pada leher periuk yang akan digunakan untuk memasak beras yang baru dituai.

Segalanya mempunyai makna simbolik yang wajar diketahui. Daun mangga hijau adalah lambang kemakmuran; kunyit lambang upacara suci; dan halia melambangkan rempah-ratus kehidupan. Tebu pula lambang kemanisan.

Beras baru dimasak sebagai tanda permulaan bulan *Thai* mengikut kalendar Tamil. Sewaktu *sakarai ponggal* (nasi manis) mula meluap, orang ramai akan melaungkan kata-kata "*Ponggolo, ponggal*" dengan gembira.

Laungan itu adalah tanda kegembiraan dan harapan semoga kebahagiaan, kemakmuran dan rezeki meluap-luap dalam hidup mereka. *Sakarai ponggal* itu dipersembahkan kepada Dewa Suria sebelum dimakan bersama-sama dengan keluarga dan rakan-rakan.

Hari kedua pada bulan *Thai* pula adalah *Maatu Ponggal* iaitu perayaan khas bagi lembu peliharaan. Dewa Ganesha dan Dewi Shakti turut dipuja pada hari berkenaan.

Perlu ditekankan bahawa masyarakat India tidak memakan daging lembu bukan atas alasan atau larangan agama. Sebaliknya adalah kerana lembu merupakan haiwan yang sangat berguna dalam hidup masyarakat petani sejak dahulu. Malah, lembu peliharaan dianggap sebagai ahli keluarga. Lembu betina membekalkan susu manakala lembu jantan membantu di sawah.

Perayaan *Maatu Ponggal* adalah tanda terima kasih masyarakat India – khususnya petani dan penternak lembu tenusu – kepada lembu yang amat berguna dalam kehidupan seharian mereka.

Pada hari berkenaan, lembu dimandikan dan dibersihkan. Tanduk disapu cat pelbagai warna dan loceng baru dipasang pada leher. Lembu yang diraikan diberi makan *sakarai ponggal* yang dimasak khas untuknya. Keluarga petani dan penternak berbuat demikian sebagai tanda terhutang budi dan mengucapkan terima kasih kepada haiwan berkenaan.

Pada hari ketiga bulan *Thai*, lembu jantan biasanya dibawa ke tanah lapang di mana beberapa permainan khas

diadakan. Maka bermulalah *Kalai Ponggal*. Walaupun tidak menjadi kebiasaan di Malaysia, *Jalli Kattu* dan *Manji Virattu* iaitu pertandingan menangkap lembu jantan masih popular di Tamil Nadu dan Andhra Pradesh.

Kedua-duanya membuka peluang kepada golongan pemuda (baca: bujang) untuk mempamerkan keperwiraan mereka dengan cara mengejar lembu jantan atau bertarung dengan lembu berkenaan. Khabarnya, mudahlah untuk mereka memikat hati gadis pujaan dengan cara ini.

Golongan pemuda (baca: gadis) pula terlibat dalam *Kanni Ponggal* di mana mereka akan berkumpul beramai-ramai dan memasak *sakarai ponggal* di kawasan terbuka. Mereka mendoakan kebahagiaan untuk keluarga serta mengharapkan segera bertemu jodoh. Secara simbolik, kehadiran mereka di khalayak ramai membuka peluang kepada orang-orang tua untuk merisik mereka bagi dijadikan menantu.

*Kalai Ponggal* dan *Kanni Ponggal* membuka peluang untuk bertemu jodoh. Sebab itulah masyarakat India sering mengungkapkan, "Bila tiba bulan *Thai*, jalan akan terbuka" – dengan erti kata, akan terbukalah peluang untuk bertemu jodoh dan mendirikan rumah tangga.

Ungkapan ini ada juga benarnya mengikut tradisi petani kaum India kerana apabila mendapat hasil lumayan daripada tuaian padi yang banyak, maka ibu bapa akan mampu mengatur majlis perkahwinan untuk anak-anak.

Segala yang baru serta peluang mencapai impian dan cita-cita dijanjikan oleh ketibaan bulan *Thai* yang ditandai dengan perayaan *Ponggal* iaitu Pesta Menuai. Sebab itulah sekumpulan masyarakat Tamil menganggap bulan *Thai* sebagai tarikh permulaan tahun baru; walaupun mengikut kalendar Tamil, tahun baru *Chitirai* adalah pada pertengahan bulan April.

Semuanya berbalik pada makna simbolik yang terdapat di sebalik perayaan *Ponggal*. Malah, apa yang lebih penting ke arah pembinaan Bangsa Malaysia adalah bahawa kita memahami serta menghormati adat, kepercayaan dan makna di sebalik amalan dan budaya masyarakat pelbagai kaum. (db)